

20 buah rumah rosak dilanda banjir kilat

ALOR SETAR - Lebih 20 buah rumah di Kampung Changkat Setol, Changlun dekat sini ditenggelami air selepas dilanda banjir kilat kelmarin.

Kawasan berkenaan mula dinaiki air pukul 5 petang selepas hujan lebat berterusan selama lebih tiga jam.

Seorang penduduk, Siti Zauwiyah Sudin, 31, berkata, rumahnya yang terletak di tepi sungai mula dimasuki air kira-

kira pukul 5.30 petang.

Menurutnya, sebahagian besar rumah yang dinaiki air sehingga paras pinggang itu mengalami kerosakan teruk.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Daerah Kubang Pasu, Kamarulzaman Kasa berkata, kejadian banjir kilat tersebut disebabkan kegagalan aliran air hujan masuk ke saluran utama seterusnya ke sungai berdekatan.



SEBAHAGIAN daripada 20 buah rumah yang dinaiki air dalam kejadian banjir kilat di Kampung Changkat Setol, Changlun petang kelmarin.